

5 Langkah 'Wajib' Dalam... Memulakan Perniagaan Internet



Info penting: Ebook ini di edarkan secara PERCUMA dan anda tidak boleh menjual semula ebook ini . Anda boleh memberi secara percuma kepada sesiapa sahaja TANPA mengedit atau mengubah isi kandungan ebook ini. Hak cipta intelek adalah hak kepunyaan **dinberamboi.com** . Jika ada kekeliruan berhubung report ini, sila hubungi admin@dinberamboi.com

Hak cipta intelek adalah terpelihara : Tidak dibenarkan sama sekali sebahagian atau semua kandungan di dalam ebook ini diterbitkan semula tanpa izin penerbit samada secara elektronik, transmisi, atau apa jua bentuk termasuk fotostat, record dan di jadikan content blog/website tanpa kebenaran daripada penerbit.

Notis : Semua catatan di dalam ebook ini adalah melalui pengalaman dan pemikiran penerbit dan berdasarkan info-info semasa perniagaan internet. Penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesalahan, ketidaktepatan maklumat dan sebagainya yang terdapat di dalam ebook ini.

Penerbit sedaya upaya menerbitkan maklumat yang tepat berdasarkan info semasa untuk membantu khasnya para newbie (baru bermula) di bidang perniagaan internet. Penerbit tidak akan bertanggungjawab dengan kelimpahan wang dalam poket atau bank anda apabila membaca dan mendapatkan maklumat di dalam ebook ini. Sebarang kemusykilan, sila bertanya kepada yang pakar atau hubungi admin@dinberamboi.com

Pendahuluan

Selamat datang dan selamat membaca **5 Langkah Wajib Dalam Memulakan Perniagaan Internet Anda.**

Saya Mohd Zainuddin Che Ismail a.k.a Din Beramboi. Saya berkecimpung di dalam perniagaan internet sejak setahun yang lalu dan sudah melalui perbagai liku-liku dalam bidang perniagaan internet. Selepas mendownload berbagai-bagai maklumat tentang perniagaan internet sejak setahun yang lalu, tiada satu pun yang memuaskan hati saya... Kalau ada pun, ia terlalu ringkas dan saya sebagai newbie pada waktu itu tidak dapat 'menangkap' apa yang di sampaikan. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk menerbitkan ebook yang ringkas tetapi lengkap ini agar membantu para newbie semua.

Maklumat terbaru mendapati, perniagaan internet semakin digemari oleh masyarakat pada hari ini. Di anggarkan seramai 75 000 pelawat baru memasuki internet dan 100 000 website di cipta setiap hari. Jika di lihat pada hakikat ini, ia adalah suatu peluang yang amat menguntungkan dan tiada sebab anda tidak memulakan perniagaan internet dengan lebih kurang 500 juta pelanggan di internet.

Walaupun jika di lihat dengan mata kasar, anda dan saya mungkin seperti dua ekor ikan di lautan yang luas, tetapi ia memberi peluang yang amat besar untuk kita. Jika kita dapat menawan 1% daripada seluruh lautan (500 juta pelanggan), ia sudah memadai dan lebih daripada berbaloi.

Bagaimana Menjalankan Perniagaan Internet?

Perniagaan di internet terbahagi kepada dua iaitu samada anda mahu **menjual produk atau tidak menjual produk**. Menjual produk pula terbahagi kepada dua iaitu samada anda **menjual produk sendiri atau menjual produk orang lain** iaitu sebagai **affiliate**. Jika anda menjadi ahli affiliate, anda hanya promosi produk orang lain dan anda mendapat komisyen daripada jualan tersebut bergantung kepada 'perjanjian' semasa 'sign up' borang affiliate. Mungkin anda mendapat 30%, 40% atau 50% daripada harga jualan.

Menjual Produk

Jika anda mempunyai produk sendiri untuk di jual, ia adalah sesuatu yang hebat ! tetapi kebanyakan newbie yang baru hendak bermula, sebaiknya mulakannya dengan affiliate. Dengan menyertai affiliate, anda tidak perlu menerima bayaran pelanggan, sistem sokongan pelanggan, menjawab pertanyaan pelanggan, menghantar produk kepada pelanggan (jika ianya produk fizikal) dan sebagainya. Anda hanya perlu promosi, promosi, dan promosi.....itu saja. Dan cukup bulan, anda mendapat komisyen daripada jualan tersebut. Program affiliate yang terbaik adalah seperti Amazon.com, Clickbank dan ada juga daripada orang perseorang seperti Pakej Kit Blogger, Monakas.com dan sebagainya.

Jika anda sudah mahir dan mempunyai idea tentang menjual produk sendiri, ia amat bagus. Keuntungan daripada jualan adalah 100% milik anda dan anda hanya perlu membayar 30% atau 40% daripada jualan kepada affiliate anda. Anda untung lebih besar ! Anda tidak perlu sangat mempromosi, kerana affiliate anda promosikan percuma untuk anda...tetapi tugas anda lebih berat kerana anda perlu mempunyai sistem sokongan pelanggan yang baik, menerima bayaran, menghantar produk dan sebagainya.

Sebagai alternatifnya, anda juga boleh menjual produk sendiri dengan membeli produk orang lain tetapi disertakan sekali hak cipta seperti RR (Resell Rights), MRR (Master Resell Rights) dan PLR (Private Label Rights)

- Resell Rights – Anda mempunyai hak menjual sesuatu produk, tetapi pembeli produk tersebut tidak boleh menjualnya kembali kepada orang lain tetapi untuk kegunaan sendiri sahaja. Anda tidak boleh mendapatkan produk tersebut sebagai produk anda semula.
- Master Resell Rights – Anda mempunyai hak menjual atas nama anda dan pembeli itu juga mempunyai hak menjual semula kepada orang lain atas namanya. Anda tidak boleh menuntut produk tersebut sebagai hak anda semula.
- Private Label Rights – Anda boleh menuntut kembali produk yang anda jual sebagai milik anda dan anda ada hak untuk mengedit atau melakukan perubahan apa yang anda mahu ke atas produk tersebut dan menjualnya semula samada sebagai RR atau MRR.

Tidak Menjual Produk

Tidak menjual produk? Apa yang anda lakukan? Ummm, anda boleh menjual perkhidmatan di internet seperti membina blog atau website berbayar, menjadi perunding jualan, dan sebagainya. Pendek kata, anda gunakan kemahiran dan ilmu anda untuk mendapat duit.

Selain daripada itu, Anda boleh melakukan program **Pay Per Click** seperti Google AdSense, Adbrite, dan sebagainya... Anda bekerja sebagai agent pengiklanan dengan meletakkan iklan daripada Google contohnya di blog atau website anda dan anda mendapat bayaran **berdasarkan klik** pelawat pada iklan tersebut.

Terbaru, keluar pula program **Pay Per Play** iaitu anda akan di bayar berdasarkan audio yang dimainkan apabila pelawat memasuki blog atau website anda.

Permulaan...

Selepas browse semua folder dan meneliti semua maklumat di dalam internet dan ebook, saya mendapati anda perlukan ~~500,50~~ , hanya 5 langkah untuk memulakan perniagaan internet anda. Tidak ada sesuatu jalan yang singkat untuk berjaya dan kaya...tetapi dengan 5 langkah ini, anda mampu dan BOLEH !

5 Langkah Yang Perlu Anda Lakukan

- ✓ Bina Perniagaan Internet Anda
- ✓ Perlu Tahu “Kuasa Kandungan” Blog/Website Anda
- ✓ Dapatkan Traffik Ke Blog/ Website Anda
- ✓ Bina Komuniti Untuk Blog/ Website Anda
- ✓ Optimumkan Pendapatan Daripada Perniagaan Anda

Anda akan mendapati, duit hanya boleh diperolehi dengan melakukan langkah terakhir, tetapi tanpa langkah 1,2,3, dan 4 , anda tidak akan berada di tempat ke lima.

Berapa lamakah untuk anda berjaya optimumkan perniagaan dan wang mencurah-curah mengalir ke akaun bank anda? Ia sebenarnya bergantung kepada individu itu sendiri... Jika anda **fokus** pada perniagaan anda, mungkin masanya hanya sebulan atau kurang daripada itu. Jika anda tidak fokus, sudah tentu masanya lebih panjang. Mungkin 3 bulan atau 6 bulan... Anda yang pilih. Jika mahu cepat, buat cepat dan fokus...jika mahu lambat, buat lambat dan tidak fokus.

Salah satu sebab saya menghasilkan ebook ini adalah supaya ianya lebih cepat untuk panduan anda. Agar anda tidak tercari-cari dengan menggooglekannya di internet dan masa banyak di habiskan.

Berapakah harga ebook ini? Ia adalah PERCUMA dan anda boleh mendownloadnya berulang-ulang kali SECARA PERCUMA. Biasanya, benda yang di beri secara percuma jarang orang menghargainya... Tetapi di harapkan anda tidak begitu.. Hargailah ebook ini. 😊

Langkah 1 : Bina Perniagaan Internet Anda

Untuk mengukuhkan ilmu berkenaan perniagaan internet anda, anda hendaklah selalu melawati blog-blog dan website yang pakar tentang perniagaan internet. Di internet, beratus-ratus atau beribu-ribu laman web yang boleh anda lawati dan ‘menuntut’ daripada pakar. Dalam langkah 1 ini, anda sebenarnya memerlukan ILMU !

Contohnya amat Mudah, jika anda tidak surf internet, adakah anda akan mendapat ebook percuma ini? Tidak bukan? So, rajin-rajinlah anda mempelajari daripada pakar (saya belum termasuk pakar...hehe) dan bergurulah dengan mereka. Cara yang lebih baik, anda **dapatkan seorang mentor** dan saya sendiri juga mendapatkan mentor semasa baru bermula dulu...dan sekarang saya masih berguru dengannya. 😊

Yang AMAT PENTING, anda jangan sampai “**overload**” dengan ilmu-ilmu tersebut dan carilah hanya seorang atau dua mentor. Anda tidak memerlukan banyak mentor kerana akan Overload. Mentor 1 menyuruh anda melakukan perkara A, mentor 2 pula menyuruh anda melakukan perkara B manakala mentor 3 pula menyuruh anda melakukan perkara C pada suatu masa yang

serentak. Anda akan pening dan tidak boleh fokus pada perniagaan anda. Saya ulangi....anda hendaklah FOKUS !

Bagaimana Saya Memilih Perniagaan Saya? (dikenali sebagai niche)

Secara jujurnya saya katakan kepada anda, mencari niche adalah perkara yang paling susah dalam membina perniagaan internet anda. Jika anda melihat di forum-forum perniagaan internet atau mencarinya di enjin carian tentang “niche”, mereka yang pakar akan mengesyorkan kepada anda supaya memilih perniagaan mengikut minat dan hobi anda. Ini penting supaya anda peka dan sentiasa mempunyai idea dengan topic di blog atau website anda.

Seeloknya, anda memilih niche yang jarang orang menulis tetapi mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. Jadi, persaingan anda dalam bisness adalah kurang dan peluang anda berjaya dengan cepat lebih Mudah.

Jika anda berminat dengan “burung” atau “memancing”, ia masih terlalu umum untuk di bincangkan dan ianya mempunyai saingan yang ramai. Cuba kecilkan skop tajuk tersebut seperti “**makanan dan penjagaan burung**” atau “**cara-cara memancing dan umpan berkesan**”. Ini dinamakan **target niche** dan ianya lebih berkesan untuk promosi kerana pesaing adalah lebih rendah. Enjin carian juga Mudah mengesan website anda jika keywordnya banyak mengandungi **target niche** tadi.

Berehat sekejap dan cuba fikirkan.... ☺

- Apakah kekuatan dan kebolehan anda... Seperti yang saya tulis di bahagian atas, anda sepatutnya membina perniagaan berdasarkan kekuatan dan kebolehan yang anda ada. Anda semestinya tahu kekuatan dan kebolehan anda...

Kekuatan / Kebolehan = Bakat Semulajadi + Pengalaman + Ilmu dan Kemahiran

- Apakah minat anda dan anda boleh melakukannya tanpa jemu? Ini penting kerana jika anda melakukannya berdasarkan apa yang anda minat, pengetahuan tentangnya akan sentiasa “**segar**” dan “**fresh**”. Anda mempunyai banyak idea tentangnya dan masalah kebuntuan semasa menulis tidak berlaku. Dengan kandungan web yang sentiasa segar dan fresh, akan menarik lebih ramai pelawat ke blog/website anda. Pelawat biasanya mahukan sesuatu yang fresh dan selalu di update...lebih-lebih lagi jika ianya adalah pelanggan tetap anda.
- Apakah jenis pertanyaan pelanggan tentang niche anda? Anda sepatutnya tahu apakah pertanyaan pelanggan terhadap produk atau target niche anda. Sebab itulah anda seharusnya pakar dalam target niche anda dan bersedia dengan jawapan-jawapan yang ‘pakar’ apabila di tanya pelanggan.

Ok...saya harap anda sudah mempunyai target niche di dalam minda anda. Jika belum, terus fikirannya dan jangan baca tajuk seterusnya...

Kajian Keyword dan Tool Berguna

Di internet, terdapat bermacam-macam maklumat dan tool yang boleh membantu anda mendapatkan keyword (target niche) dalam pembinaan perniagaan internet anda.

Yang pertama, anda harus melakukan kajian dan mendapatkan info tentang berapa ramai lagikah selain anda yang menggunakan keyword yang sama dengan target niche anda. Ini di panggil kajian keyword. Keyword adalah perkataan yang biasanya orang akan taip di enjin carian apabila hendak mencari sesuatu maklumat. Terdapat banyak tool yang boleh anda gunakan di internet untuk melakukan kajian keyword anda.

Di sini, saya mahu menunjukkan kepada anda bagaimana mencari kata kunci (keyword) menggunakan [Overture](#) dan Google.

Contohnya, anda hendak mencari keyword berkenaan **kesihatan**. Buka Overture dan taipkan perkataan di kotak carian overture.

Keyword : Kesihatan

Berikut adalah carian di Overture → <http://inventory.overture.com>


Searches done in January 2007	
Count	Search Term
3284	kementerian kesihatan malaysia
1703	kementerian kesihatan
1284	kesihatan
598	jawatan kosong kementerian kesihatan malaysia
406	petua kesihatan
269	jawatan kosong kementerian kesihatan
240	info kesihatan
192	jabatan kesihatan malaysia
166	jabatan kesihatan
125	pendidikan jasmani dan kesihatan
94	tip kesihatan
94	kesihatan wanita
82	budaya kementerian kesihatan korporat malaysia
81	kesihatan ibu mengandung
80	pendidikan jasmani kesihatan
74	produk kesihatan
73	menteri kesihatan malaysia
70	makanan kesihatan
68	keselamatan dan kesihatan pekerja
66	kementerian kesihatan malaysia ptk

Daripada carian ini, anda tentunya boleh mengetahui apakah carian berkenaan kesihatan yang paling kerap di cari iaitu berkenaan petua kesihatan, tip kesihatan, info kesihatan dan sebagainya.


Tip : Utamakan keyword yang mempunyai carian yang tinggi. Kemudiannya, lakukan kajian dan analisis pesaing di enjin carian seperti Google dan Yahoo.

Di sini, saya menggunakan Google dan keyword yang saya gunakan adalah **tip kesihatan** dan ini adalah hasil carian pesaing di Google.

a) Jumlah pesaing secara umum (page) = 822000



b) Jumlah pesaing lebih spesifik = 666



Contoh yang digunakan hanyalah untuk menunjukkan kepada anda bagaimana mengkaji jumlah pesaing untuk target niche anda. Anda boleh cuba keyword yang lain berdasarkan jumlah carian di overture di atas. Contoh ini menggunakan keyword bahasa melayu untuk memudahkan pemahaman anda. Jika anda mencari niche untuk Google Adsense, gunakanlah bahasa English kerana ia lebih baik.

Anda hendaklah menggunakan niche yang keywordnya mempunyai carian yang tinggi di internet tetapi mempunyai jumlah pesaing yang rendah. Jika anda mempunyai jumlah pesaing lebih kurang 100000 pesaing, ia sudah memadai dan peluang untuk anda masih terbuka luas.

Gunakan Blog Sebagai Alternatif Kepada Laman Web

Sejak akhir-akhir ini, blog lebih di gemari oleh para usahawan internet berbanding laman web statik untuk mempromosikan perniagaan mereka. Selain daripada mesra SEO, blog juga mudah di edit, di masukkan content dan mudah customize.

Tip Newbie : Apa itu Blog?

Blog adalah berasal daripada perkataan web log atau weblog. Pada masa dahulunya, ia hanya digunakan sebagai journal online atau diari. Tetapi hari ini, para marketer telah menukarkannya kepada suatu journal yang boleh menghasilkan wang melalui perniagaan internet.

Dengan blog, anda tidak semestinya mempunyai domain dan hosting sendiri kerana ada blog yang boleh di set up secara percuma seperti Blogger dan Wordpress.com. Blog percuma banyak kelemahannya dan memiliki blog dengan domain dan hosting sendiri adalah jalan yang terbaik.

Kelebihan mempunyai blog dot com sendiri

- ✓ Membina kredibiliti dan Menampakkan keprofesionalan anda
- ✓ Mendapat Trafik ke Laman Web Jualan anda
- ✓ Membolehkan anda Menjana Pendapatan Melalui Google Adsense
- ✓ Membolehkan anda Berkomunikasi Dengan Bakal Pelanggan
- ✓ Mempromosikan Perniagaan Konvensional anda dengan Lebih Berkesan
- ✓ Menambah Rangkaian Perniagaan Melalui Internet
- ✓ Dan banyak lagi faedahnya !

Kenapa Anda Perlu Sebuah Blog Dot Com anda sendiri?

✓ Kuasa

Dengan blog dot com anda sendiri, **anda mempunyai kuasa 100% terhadapnya**. Tiada siapa yang marah atau mengenakan tindakan sekiranya anda melakukan sesuatu perkara terhadap blog perniagaan atau personal anda. Ini kerana dengan memiliki blog DIY/ blog dot com sendiri, bermaksud anda dapat menentukan dari segi penampilan, gaya bahasa, 'setting', 'template', iklan2 diblog, 'script' yg pelbagai, dan macam-macam lagi, pendek kata umpama anda menyewa rumah dan membeli rumah, anda boleh lakukan apa sahaja perubahan pada rumah tersebut.

Tetapi, jika anda hanya memiliki **blog percuma** umpama anda menyewa sebuah rumah. Sudah tentu anda tertakluk kepada syarat2 dan perjanjian yang termetra dengan tuan rumah atau TOS anda semasa mendaftar dengan sesebuah penyedia blog percuma di pasaran. Pernahkah anda suatu ketika dahulu mengalami keadaan dimana pada penghujung bulan tiba-tiba anda diarahkan oleh tuan rumah untuk berpindah ?. Begitu juga dengan blog, ada kemungkinan blog anda akan dibuang sekiranya didapati anda melanggar TOS yang ditetapkan. Atau pun mungkin tiba-tiba syarikat penyedia blog tersebut menamatkan perkhidmatan mereka. Jadi apa akan jadi dengan blog yang telah anda bina, pupuk dan semai serta telah menerima kunjungan dari beratus orang ?

✓ **Matlamat Blog**

Apakah matlamat anda memiliki blog ? Adakah untuk suka-suka ? Adakah anda tidak bimbang jika sesuatu berlaku terhadap blog yang asalnya hanya anda suka-suka untuk menulis ?. Namun suatu hari tiba-tiba blog tersebut telah hilang ? yang lebih parah lagi, blog tersebut untuk perniagaan anda, contohnya untuk Program Google AdSense.

Yaro Starak, seorang usahawan Internet di luar negara sana ada berkongsi cerita mengenai seorang yang bernama Steve. Steve melakukan program Google AdSense dan mendapat income sekitar \$2000 dalam sebulan yang menggunakan free blog iaitu blogger.com. Namun, pada suatu hari, semua blog Steve telah tiada lagi kerana pihak Google telah suspend yang blog Steve melakukan "Splogs" (spam blog). Dia kemudian menghubungi Google tetapi permohonannya ditolak dan semua blognya gagal di re-activate semula. Malang baginya kerana semua blog beliau menggunakan satu akaun blogger sahaja. \$2000 hangus dan lenyap begitu sahaja.

Kata Yaro, alangkah bagus jika Steve menggunakan Wordpress yang dipasang pada server sendiri. Padahal kata Yaro, untuk pasang Wordpress amat mudah sekali dan sistem wordpress adalah 'open source' iaitu percuma. Kos hanyalah untuk beli domain dan hosting sahaja. Jadi sudah tentu ada perbezaan matlamat memiliki blog DIY dan blog percuma, bukan ?. Tanya diri anda sendiri sekarang, sebelum terlambat!

Masalah kebanyakan 'Newbie' (Orang baru)

- ✓ Tiada Panduan Yang Lengkap Untuk Membina Blog
- ✓ Takut Untuk bermula Kerana "Zero" Ilmu
- ✓ Bermasalah dengan Hal-Hal Teknikal Blog Seperti Plugin, Themes dan sebagainya
- ✓ Tiada Idea atau Tidak dapat Menguruskan Blog dengan Baik
- ✓ Tiada "Mentor" Untuk Memberikan Panduan Membina Blog

Jika anda mempunyai masalah dalam membina blog dot com sendiri, saya boleh membantu anda. Sila lawati : www.binablog.dinberamboi.com

Daftarkan perniagaan internet anda

Anda perlu mendaftarkan perniagaan internet anda. Anda tidak perlu mendaftarkan perniagaan internet anda seperti perniagaan konvensional, kerana ia adalah berlainan sama sekali.

Apa yang anda perlukan adalah nama domain dan hosting. Apa itu nama domain dan hosting?, saya akan terangkannya....

Tips Newbie : Apa itu nama domain?

Secara mudahnya, nama domain juga di kenali sebagai url dan merupakan alamat laman web anda. Contohnya, jika anda ingin mengakses (melawat) sesebuah laman web contohnya laman web [dinberamboi.com](http://www.blog.dinberamboi.com), maka anda akan menaip sebagai “www.blog.dinberamboi.com “ di browser enjin carian anda. Inilah yang dinamakan nama domain iaitu www.nama-domain.com atau .net, .biz, .org, .us, .info dan sebagainya.

Nama domain adalah penting dan ia boleh diibaratkan seperti alamat rumah anda. Tanpa alamat rumah, pelawat tidak dapat mengunjungi rumah anda. Di dunia ini, hanya satu alamat laman web bagi setiap orang dan ia berbeza-beza antara satu sama lain. Anda boleh memiliki seberapa alamat, tetapi hendaklah berlainan antara satu sama lain.

Dalam perniagaan internet, nama domain adalah penting dan sebaiknya, ia ada keyword target niche anda. Contohnya, jika anda membuat sebuah laman web berkenaan kesihatan wanita, contoh nama domain adalah www.kesihatanwanita.com dan bukannya yang tiada kaitan dengan keyword target niche seperti www.makanankucing.com .

Ini penting kerana ia mempengaruhi enjin carian. Enjin carian lebih cepat mengindex dan mendapatkan laman web yang mempunyai kandungan dan nama domain yang berkaitan. Ini juga akan meningkatkan ranking anda berbanding laman web-laman web yang lain yang mempunyai kandungan yang sama seperti anda tetapi nama domain yang tidak mempunyai target niche.

Tips Newbie : Apa itu Hosting?

Hosting boleh diibaratkan seperti ‘rumah’ anda. Dengan adanya hosting, membolehkan anda hostkan laman web dan alamat email seperti admin@dinberamboi.com

Anda tidak perlu lebih lanjut mengenai hosting, tetapi apa yang perlu anda tahu adalah ciri-ciri hosting yang baik adalah wajib. Untuk mengetahui hosting yang mempunyai ciri-ciri yang baik, sila ke laman web saya di → <http://tinyurl.com/35ugda>

Penyedia Domain dan Hosting yang di Recommendkan..

1. Internet-WebHosting → <http://tinyurl.com/38fcmh>
2. Ecommerce-Mastery → <http://tinyurl.com/2ot9mn>
3. SempoiHosting → www.sempoihosting.com

Langkah 2 : Perlu Tahu “Kuasa Kandungan” Blog/Website Anda

Setelah anda menegetahui target niche, mendapatkan nama domain dan hosting, langkah seterusnya adalah mengumpulkan info dan kajian tentang maklumat yang sepatutnya di

masukkan ke dalam laman web atau blog anda. Jika anda belum mahir menulis di laman web atau blog, dapatkan maklumat dengan mendapatkannya di laman web-laman web yang menyediakan artikel percuma merupakan satu langkah yang baik.

Terdapat beberapa directories yang menyediakan artikel secara percuma seperti:

iSnare	http://www.isnare.com/
HTTParticles	http://www.httparticles.com/
Reprint Articles	http://reprintarticles.com/?ar
Best Free Reprint Articles	http://www.bestarticles.biz/
Hot Articles	http://www.hotarticles.net/

Sekarang, anda seharusnya mempunyai beberapa artikel untuk dimasukkan ke dalam laman web/ blog sebagai isi kandungan. Sebaiknya juga, anda bookmark directories artikel di atas untuk kegunaan masa depan atau anda copy terus ke dalam notepad atau Microsoft word.

Membina laman web – Design dan Bina Laman Web

Cara paling Mudah dan paling cepat untuk membina laman web anda adalah menggunakan '**templete siap**' iaitu template yang sudah di buat oleh orang lain. Anda hanya perlu edit pada bahagian-bahagian tertentu sahaja seperti header, kandungan laman web dan footer.

Untuk itu, anda mungkin memerlukan Graphic Editor untuk mengedit banner dan footer. Anda tidak perlu risau kerana saya sudah menyediakannya di sini dan anda hanya perlu download.

Download Beberapa Web Templete Hebat Di Sini → <http://tinyurl.com/2awzjs>

Download FREE HTML Editor NVU Di Sini → <http://tinyurl.com/yv7axs>

Download FREE GIMP Graphics Editor Di Sini → <http://tinyurl.com/29glrq>

Langkah seterusnya, pilih salah satu template laman web yang anda download tadi dan buka dengan HTML Editor NVU. Buat perubahan kepada template tersebut seperti link, button, header dan footer. Gunakan GIMP Graphics Editor untuk mengedit banner, header dan footer.


Kemudiannya, masukkan artikel ke dalam laman web dan savekan iaitu File > Save As > ... dan berikan nama berdasarkan artikel yang di masukkan. Masukkan semua artikel ke dalam setiap page dan savekan sama seperti langkah sebelum ini.

Jika semuanya sudah siap, tiba masanya untuk anda uploadkan file-file tadi ke dalam hosting anda. Untuk mengupload file-file tersebut, anda memerlukan sebuah software iaitu FileZilla. **Download PERCUMA di sini.** → <http://tinyurl.com/2ze2av>

Langkah 3 : Dapatkan Traffik Ke Blog/ Website anda

Langkah seterusnya adalah menarik pelawat ke blog/website anda. Walaupun website/blog anda cantik tahap dewa sekalipun, jika tiada pelawat yang mengunjungi blog anda, tiada gunanya. Ingat , para pakar internet menyatakan “pelawat adalah wang anda”. Tanpa pelawat, tiada wang...

Bagaimana mendapatkan pelawat ke blog/ website anda? Banyak caranya.... Salah satunya adalah menggunakan forum. Anda hendaklah aktif di forum dan apabila member sebarang cadangan dan pandangan, sila tinggalkan signature anda. Contoh signature adalah seperti berikut:



Dalam berforum, tunjukkan kepakaran anda dalam sesuatu bidang dan sebaiknya, di bidang yang anda pakar dan ada kaitan dengan produk anda. Ini penting kerana pelawat yang memasuki sesuatu forum dan membuka sesuatu thread biasanya memang mencari sesuatu yang mempunyai kaitan dengan thread tersebut.

Selain daripada itu, anda boleh meningkatkan traffic ke blog anda dengan bertukar link sesama para blogger. Sebaiknya, anda bertukar link dengan blog yang mempunyai niche yang sama dengan anda. Tidak digalakkan anda bertukar link dengan para blogger yang tidak sama niche dengan blog anda kerana kebiasaannya, pelawat yang datang ke blog tersebut adalah untuk mendapatkan info berkenaan produk di blog tersebut. Jadi, mereka mungkin mempunyai pilihan dengan mengklik link anda yang sama niche dengan blog tersebut.

Tanpa perlu menulis panjang, saya akan memberikan anda 100 cara bagaimana mendapatkan traffik ke blog anda. Download di sini → <http://tinyurl.com/2ckjea>

Langkah 4 : Bina Komuniti Untuk Blog/ Website Anda

Langkah seterusnya adalah membina komuniti untuk blog atau laman web anda. Apa yang ehndak di maksudkan disini adalah, membina pelawat setia ke blog anda. Apabila pertama kali mereka melawat blog anda, mereka teruja dan ingin melawat blog anda lagi pada masa hadapan. Ini penting kerana jika anda menjual produk atau menyediakan perkhidmatan di internet, pelawat yang datang pada pertama kalinya biasanya tidak akan terus membeli produk atau perkhidmatan anda. Mereka sebenarnya inginkan layanan istimewa dan teguran anda. Sama seperti perniagaan konvensional, mereka juga ingin mendapatkan info yang lebih jelas berkenaan sesuatu produk atau perkhidmatan yang anda tawarkan. Bagaimana caranya mengekalkan pelawat ke blog/ website anda?

Autoresponder dan List Email

Cara terbaik adalah anda seharusnya mempunyai autoresponder. Apa itu autoresponder? Autoresponder adalah suatu system automatic yang membolehkan pelanggan anda yang menyertai mailing list (subscriber) akan terus mendapat info-info terbaru dari anda secara automatic. Dengan autoresponder, membolehkan anda menghantar info-info yang berguna kepada pelanggan anda tepat pada masanya tanpa anda perlu menulis email satu persatu yang merugikan masa dan tenaga anda.

Dengan autoresponder (yang mengandungi broadcast email), membolehkan anda menulis dan menghantar email seberapa banyak yang anda mahu hanya satu klik pada satu-satu masa.

Anda juga tidak di kira sebagai spam email kerana email-email yang dihantar hanyalah kepada subscriber-subscriber anda sahaja. SEMUANYA AUTOMATIK..

Antara autoresponder yang baik dan disyorkan oleh pakar usahawan internet adalah [Aweber](#) dan [Getresponse](#). Untuk permulaan, anda juga boleh menggunakan autoresponder percuma di Getresponse tetapi ia hanya trial. Optimumkan penggunaannya dan pada bulan berikutnya, gunakanlah Autoresponder berbayar kerana ia dilengkapi dengan system yang lebih baik (boleh broadcast email dan lebih banyak function).

Forum

Selain menggunakan autoresponder, anda juga boleh menyediakan suatu forum berkenaan produk atau perkhidmatan anda. Setiap pelawat yang datang, mereka terus boleh bertanya di forum dan beberapa moderator yang dilantik (biasanya senior atau mereka yang pernah menggunakan produk atau perkhidmatan anda) boleh membantu mereka.

Kedua-dua happening dan tidak formal di forum boleh membantu mereka dan menambahkan kepercayaan mereka terhadap produk dan perkhidmatan yang anda tawarkan.

Langkah 5 : Optimumkan Pendapatan Daripada Perniagaan Anda


Sekarang adalah langkah terakhir anda. Langkah ini juga akan memaksimumkan pendapatan perniagaan anda di internet selain produk yang anda jual.

Di internet, terdapat pelbagai sumber pendapatan yang boleh anda perolehi dengan menggunakan blog atau laman web anda... Mahu atau Tak Mahu Sahaja... 😊 . Antara program yang popular adalah seperti di bawah:

Program Google AdSense

Kebanyakan para usahawan internet dan mereka yang baru berjinak-jinak dengan perniagaan internet melakukan program ini, program [Google AdSense](#). Ini adalah kerana, ianya adalah PERCUMA untuk menyertainya dan di bayar berdasarkan klik yang di terima daripada pelawat yang mengunjung blog/laman web anda.

Program Google AdSense adalah sebuah program Pay Per Clicks dan pengiklanan. Secara asasnya, ia adalah program di mana anda (webmaster atau tuan punya blog) meletakkan iklan daripada Google di laman blog anda dan ia di bayar berdasarkan klik oleh pelawat yang akan meninggalkan blog anda. Anda pernah melihat iklan seperti ini?



Itulah iklan daripada Google di salah sebuah blog saya. Ia cipta dengan teknologi canggih yang boleh mengesan niche sesuatu blog dan biasanya iklan / ads yang muncul adalah berkaitan dengan niche blog tersebut. Jika anda membuat blog berkenaan “tip kesihatan” , iklan yang keluar akan berkaitan dengan “tip kesihatan” dan tidak akan keluar iklan berkenaan “cara memelihara monyet”. Contoh di atas, saya membuat sebuah blog berkenaan testimony “funny” dan lihatlah iklan yang muncul juga berkenaan “funny”.

Jangan takut untuk klik pada iklan adsense kerana anda merupakan salah seorang penyumbang kepada kerancangan program Google Adsense di dunia. Secara tidak langsung, dengan klik anda ia mendorong lebih ramai pengiklan akan membuat pelaburan mereka. Secara tidak langsung juga, kita sebagai pelawat atau pengguna dapat emmbuat duit daripada pelaburan orang lain dengan melakukan juga program Google Adsense. Yang penting, jangan klik iklan di blog sendiri ! ☺

Berapakah anda di bayar dengan setiap klik? Sebenarnya ia bergantung kepada keyword iklan tersebut. Lagi tinggi pengiklan membida untuk setiap klik iklan, semakin tinggi nilai klik. Harganya mungkin dari serendah USD0.02 hingga setinggi USD70 bagi setiap klik.

IKLAN BLOGGER...

Maklumat lanjut berkenaan Google AdSense, boleh diproleh melalui ebook yang lengkap ini ! --
→ <http://tinyurl.com/2ub1sh>

Program Affiliate

Seperti yang telah saya jelaskan di awal topik ebook ini, Program affiliate adalah program di mana anda bertindak sebagai agent yang menjual produk atau mempromosikan perniagaan orang lain. Anda akan mendapat bayaran komisyen daripada jualan produk tersebut dengan membahagikannya dengan tuan punya produk. Mungkin anda mendapat komisyen 30% / 40% / 50% daripada jualan tersebut.

Secara faktanya, Google AdSense juga merupakan sebuah program affiliate iaitu mempromosikan iklan orang lain (Google) di laman web atau blog anda dan anda mendapat komisyen daripada klik yang diterima.

Melakukan review produk affiliate di blog anda merupakan langkah berkesan mempromosikan produk affiliate. Anda juga boleh meletakkan banner dan link di dalam blog anda. Selain itu, letakkan banner dan link di dalam forum juga dapat menarik pengunjung mengklik link tersebut. Antara program affiliate yang bagus untuk disertai adalah di Amazon.com atau produk-produk yang dikeluarkan oleh para blogger itu sendiri seperti Pakej Lengkap Membina Blog Dot Com, Pakej Kit Blogger, Pakej Lengkap, Perniagaan Internet, Panduan Cpanel dan sebagainya...

Menjual Produk Resell Rights

Sebagai alternatifnya, anda juga boleh menjual produk sendiri dengan membeli produk orang lain tetapi disertakan sekali hak cipta seperti RR (Resell Rights), MRR (Master Resell Rights) dan PLR (Private Label Rights)

- Resell Rights – Anda mempunyai hak menjual sesuatu produk, tetapi pembeli produk tersebut tidak boleh menjualnya kembali kepada orang lain tetapi untuk kegunaan sendiri sahaja. Anda tidak boleh mendapatkan produk tersebut sebagai produk anda semula.
- Master Resell Rights – Anda mempunyai hak menjual atas nama anda dan pembeli itu juga mempunyai hak menjual semula kepada orang lain atas namanya. Anda tidak boleh menuntut produk tersebut sebagai hak anda semula.
- Private Label Rights – Anda boleh menuntut kembali produk yang anda jual sebagai milik anda dan anda ada hak untuk mengedit atau melakukan perubahan apa yang anda mahu ke atas produk tersebut dan menjualnya semula samada sebagai RR atau MRR.

Penutup

Diharapkan ebook PERCUMA ini akan membantu para newbie khususnya yang masih mencari-cari panduan asas dalam perniagaan internet. Gunakanlah ia sebaik mungkin dan jika ada sebarang kekeliruan, sekali lagi saya tegaskan, sila bertanya kepada yang pakar atau hubungi admin@dinberamboi.com

Jika terdapat sebarang kesalahan di dalam ebook ini atau mengandungi maklumat yang tidak tepat, saya telah melakukan yang terbaik untuk anda..harap dapat maafkan saya... Saya juga manusia yang lemah, yang serba kekurangan seperti anda juga. Tiada siapa pun yang perfect ..
☺

***** Jumpa anda di puncak kejayaan *****

Ikhlas,

Mohd Zainuddin Che Ismail a.k.a Din Beramboi

Blog Rasmi :

www.blog.dinberamboi.com

www.jutawanmuda.net

Sumber Panduan Terbaik

1. Download secara PERCUMA 100 cara mempromosikan perniagaan internet anda di sini → <http://tinyurl.com/2ckjea>
2. Dapatkan secara PERCUMA Panduan Google Adsense Untuk Blogger di sini → www.subscribe.dinberamboi.com
3. Anda mahu membina blog dot com anda sendiri tetapi mempunyai masalah kerana tidak tahu membinanya, sila lawati blog ini -> <http://tinyurl.com/yq6i5k>
4. Dapatkan panduan membina blog Wordpress yang lengkap, ayat-ayat yang mudah di fahami dan mengandungi info perniagaan internet → <http://tinyurl.com/27tmyg>

5. Jika anda mempunyai template dan file-file perniagaan internet, tetapi tidak tahu menggunakan aplikasi FTP untuk mengupload file, mendownload file, mendelete, menambah folder dan sebagainya di dalam hosting anda, tiada gunanya... dapatkan Panduan Mudah FTP di sini → www.ftp.dinberamboi.com

6. Subscribe Blog saya hari ini untuk mendapatkan lebih banyak panduan PERCUMA untuk anda → www.subscribe.dinberamboi.com

7. Download MP3 secara percuma di sini → www.dinberamboi.com

8. Jana pendapatan hanya dengan menggunakan ibu jari anda. Perniagaan 24 jam di mana sahaja anda berada → www.mastereload.dinberamboi.com

9. Jom berforum di Forum Yang paling Sempoi dan Sempoi → www.lubukinc.com